

Bingkisan dari Perpustakaan KMM



VOL.3/2016/UPS KMM

MAC 2016

Tiada istilah 'Tolong Senyap' di Perpustakaan KMM!

AKTIVITI EXPLORACE@LIBRARY MEMBONGKAR SEGALANYA!



Kelab Rakan Pustaka KMM telah mengadakan aktiviti Explorace@Library pada 19 Mac 2016 (Sabtu) bertempat di dalam dan perkarangan perpustakaan KMM. Seramai 18 AJK Kelab dan 26 pelajar KMM telah terlibat dalam menjayakan aktiviti yang bermula dari jam 8.30 pagi – 1.00 petang. Pelbagai aktiviti telah disediakan yang mana setiap kumpulan perlu melalui checkpoint tertentu untuk mengumpul markah. Antara checkpoint tersebut adalah Efficient Team Building, Chair Feet, Spell Word Puzzle, Singing While Counting, Swimming Fishes dan A4 Trick.



KETERANGAN GAMBAR

1. Antara checkpoint yang perlu dilalui oleh peserta sebelum ke checkpoint seterusnya 2. AJK Kelab dan peserta bergambar beramai-ramai selepas selesai aktiviti yang dijalankan 3. AJK Kelab bersama Pustakawan berehat dan santai di ruang kerja Unit Perpustakaan 4. Peserta sedang menguji kemahiran membina perkataan di checkpoint Spell Word Puzzle 5. Ruang lebar pintu masuk utama perpustakaan dijadikan salah satu lokasi checkpoint 6. Checkpoint Chair Feet yang memerlukan peserta mengimbangi badan dengan menggunakan kerusi sebagai 'kaki' untuk bergerak 7. Checkpoint Efficient Team Building yang mengkehendaki setiap ahli kumpulan bertindak sebagai satu pasukan untuk melakukan satu tugas yang diberikan.

SUDUT LENZA

Program Team Maxel Anjuran Unit Matematik



Unit Matematik menjadikan bangunan Perpustakaan sebagai salah satu lokasi bagi melaksanakan Program Team Maxel bermula 9 Mac sehingga 6 April 2016. Program ini telah berlangsung pada setiap malam Rabu bermula jam 8.00 malam – 10.00 malam.



Pameran & Jualan Buku BB1M 2016

PAMERAN & JUALAN BUKU BB1M 2016
[SELASA - KHAMIS]
29 MAC - 31 MAC 2016
10.00 PAGI - 4.30 PETANG
ARAS BAWAH, PERPUSTAKAAN
KOLEJ Matrikulasi Melaka
SEBANYAK LIMA PEMBEKAL BUKU DAN DUA PENJUAL AKSESORI HP/KOMPUTER (BELIAN SECARA TUNAI)

Unit Perpustakaan sekali lagi menganjurkan Pameran & Jualan Buku sempena penyerahan baucar buku 1Malaysia (BB1M) kepada pelajar pada 29 – 31 Mac 2016. Program tahunan ini diadakan bagi memberi peluang pelajar menggunakan baucar buku tersebut untuk mendapatkan bahan bacaan yang diminati. Sebanyak lima pembekal buku dan dua penjual aksesori hp/komputer (belian secara tunai) dijemput untuk mempamer dan menjual produk masing-masing bermula dari jam 10.00 pagi – 4.30 petang bertempat di aras bawah Perpustakaan KMM. Bagi memastikan para pelajar tidak terlepas peluang berkunjung ke jualan buku tersebut, Unit Perpustakaan melanjutkan waktu jualan sehingga jam 6.00 petang.



DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN

PROGRAM MATRIKULASI

1. PENGENALAN

1.1 Program Matrikulasi merupakan program persediaan bagi pelajar bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang untuk mengikuti pengajian ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT).

2. PERNYATAAN DASAR

2.1 Memastikan pembangunan potensi murid bumiputera melalui pendidikan prauniversiti yang berkualiti untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan di luar negara, dalam bidang sains, teknologi dan profesional.

3. STRATEGI PELAKSANAAN

3.1 Melaksanakan pengambilan murid cemerlang lulusan SPM untuk mengikuti Program Matrikulasi berdasarkan keperluan semasa IPTA.

3.2 Melaksanakan Program Matrikulasi dalam tempoh satu hingga dua tahun bagi menambah bilangan pelajar bumiputera cemerlang yang layak mengikuti kursus yang kompetitif di IPTA.

3.3 Melaksanakan kurikulum matrikulasi yang diiktiraf oleh IPT dan dikemaskini secara berterusan agar sentiasa relevan.

3.4 Mendapatkan pengiktirafan Program Matrikulasi daripada IPT di dalam dan di luar negara.

3.5 Menawarkan pelbagai aliran di peringkat Program Matrikulasi untuk membolehkan murid menyertai pelbagai bidang yang ditawarkan di peringkat IPTA.

3.6 Menyediakan prasarana dan persekitaran yang lengkap, terkini dan kondusif untuk pembelajaran.

3.7 Menyediakan tenaga pengajar terlatih yang berkelayakan dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang ditawarkan.

MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

1. PENGENALAN

1.1 Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bermaksud mengangkat martabat bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia.

1.2 Tujuan utama Memartabatkan Bahasa Malaysia (MBM) adalah untuk mengembalikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa.

1.3 Tujuan utama Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) adalah supaya bahasa komunikasi antarabangsa ini dikuasai dengan baik dan berkesan bagi membolehkan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat nasional dan global.

1.4 Matlamat MBMMBI adalah untuk melahirkan murid yang fasih dan yakin menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

1.5 Penguasaan murid dalam kedua-dua bahasa tersebut diharapkan berada pada tahap tinggi. Penguasaan bahasa ialah penguasaan secara sistematik, iaitu penguasaan bahasa secara keseluruhan bukannya setakat penguasaan lisan sahaja.

2.1 Memastikan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah kebangsaan dan sekolah menengah.

2.2 Memastikan murid boleh menguasai bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) dengan fasih dan betul.

3. STRATEGI PELAKSANAAN

3.1 Mengangkat martabat BM dengan menggunakannya secara meluas dan berkesan sebagai bahasa ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Sistem pendidikan sesebuah negara mesti didasarkan pada aspirasi yang berkait rapat dengan konteks negara tersebut. Walaupun terdapat perspektif yang berbeza tentang perkara untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia hebat, namun hampir semua pihak berkepentingan setuju bahawa sistem ini perlu ditambah baik bagi memenuhi harapan dan jangkaan rakyat.

Lima aspirasi bagi sistem pendidikan Malaysia



Bagi mencapai aspirasi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, kita memerlukan 11 anjakan utama

- ANJAKAN 1 **MENYEDIAKAN KESAMARATAAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN BERKUALITI BERTARAF ANTARABANGSA**
- ANJAKAN 2 **MEMASTIKAN SETIAP MURID PROFISIEN DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS**
- ANJAKAN 3 **MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA DENGAN PENGHAYATAN NILAI**
- ANJAKAN 4 **TRANSFORMASI KEGURUAN SEBAGAI PROFESION PILIHAN**
- ANJAKAN 5 **MEMASTIKAN KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI DITEMPATKAN SETIAP SEKOLAH**
- ANJAKAN 6 **MENGUPAYA JPN, PPD DAN SEKOLAH UNTUK MENYEDIAKAN PENYELESAIAN KHUSUS BERASASKAN KEPERLUAN**
- ANJAKAN 7 **MEMANFAATKAN ICT BAGI MENINGKATKAN KUALITI PEMBELAJARAN DI MALAYSIA**
- ANJAKAN 8 **MENTRANSFORMASI KEMAMPUAN DAN KAPASITI PENYAMPAIAN KEMENTERIAN**
- ANJAKAN 9 **BEKERJASAMA DENGAN IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA SECARA MELUAS**
- ANJAKAN 10 **MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID BAGI SETIAP RINGGIT**
- ANJAKAN 11 **MENINGKATKAN KETELUSAN UNTUK AKAUNTABILITI AWAM SECARA LANGSUNG**

